



UNTUK SIARAN  
SEGERA

8 JUN 2021

## KENYATAAN MEDIA

### MENTERI KEWANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

---

#### **RM1.5 BILION BAYARAN GERAN KHAS PRIHATIN 3.0 KEPADA 1 JUTA PKS MIKRO DISALURKAN MULAI 10 JUN 2021**

---

Di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) yang diumumkan pada 17 Mac 2021, Kerajaan telah memutuskan pemberian **Geran Khas Prihatin (GKP) 3.0 sebanyak RM1,000 kepada lebih 1 juta peniaga mikro** untuk memastikan kelangsungan perniagaan mereka, khususnya dalam menguruskan aliran tunai masing-masing. Pada 31 Mei 2021, melalui program PEMERKASA+, Kerajaan telah mengumumkan komitmen yang sama sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, di mana jumlah **ambahan sebanyak RM500 akan dibuat, menaikkan jumlah bayaran kepada RM1,500 bagi setiap PKS mikro. Ini bermakna, jumlah bayaran GKP 3.0 adalah sebanyak RM1.5 bilion.**

Sukacita dimaklumkan bahawa hampir 1 juta PKS mikro melibatkan penerima sedia ada GKP 1.0 dan GKP 2.0 serta PKS mikro yang baharu lulus GKP 3.0 akan menerima **bayaran sebanyak RM1,000 mulai 10 Jun 2021 (Khamis) secara berperingkat melibatkan implikasi kewangan sebanyak hampir RM1.0 bilion.** Pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank yang didaftarkan dalam sistem GKP dan semakan status kelulusan boleh dibuat mulai **8 Jun 2021** di pautan <https://gkp.hasil.gov.my>.

**Bayaran tambahan sebanyak RM500, melibatkan peruntukan hampir RM500 juta, akan dibayar pada Julai 2021 menjadikan jumlah keseluruhan di bawah GKP 3.0 sebanyak RM1.5 bilion.**

Secara keseluruhan, sejumlah **RM5.08 bilion telah dan akan disalurkan kepada hampir 1 juta PKS mikro** di bawah GKP semenjak COVID-19 melanda negara. Kerajaan berharap agar bantuan langsung yang disalurkan kepada PKS mikro ini akan meringankan beban mereka, terutamanya mereka yang amat terkesan akibat pelaksanaan PKP 3.0 pada kali ini.

**YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz**  
**Menteri Kewangan**  
**8 Jun 2021**

# LAMPIRAN



## PEMERKASA+

Program Strategik Memperkas Rakyat dan Ekonomi Tambahan

### Penambahbaikan Geran Khas Prihatin (GKP) 3.0 dengan tambahan RM500 menjadikan jumlah penyaluran keseluruhan RM1,500 bagi setiap PKS yang layak

#### Prihatin PrihatinPKS+

penjana KitaPrihatin

APR 2020 → DIS 2020

BELANJAWAN 2021

pemai

JAN 2021 → MAC 2021

#### PEMERKASA

PEMERKASA+

APR 2021 → JUL 2021

	GKP 1.0 & GKP 2.0	GKP Tambahan		GKP 3.0	Jumlah Besar GKP
Peruntukan (RM)	2.7 bilion	882.5 juta		1.5 bilion	5.08 bilion
Kadar (RM)	3,000	GKP SABAH 1,000	GKP NEGERI PKP 1,000	PKP 2.0 1,000	
		GKP BUKAN PKP SARAWAK 500		PKP 3.0 500 (Tambahan)	
Syarat		Penerima sedia ada GKP 1.0 dan GKP 2.0		Penerima GKP 3.0 dan penerima sedia ada GKP 1.0 serta GKP 2.0	
Jumlah Penerima	900 ribu	900 ribu		1 juta	